Kupasan mutu jawapan SPM pada tahun 2017 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017) pula menunjukkan kelemahan yang sama masih lagi berulang setiap tahun di mana pelajar berhadapan dengan masalah untuk menentukan unsur bagi sesuatu kumpulan berdasarkan bilangan elektron valens. Selain penentuan unsur sama ada bersifat asid, alkali atau amfoterik, pelajar juga masih lemah untuk mengenal pasti kegunaan unsur-unsur daripada Jadual Berkala Unsur dalam kehidupan seharian.

Analisis keperluan yang dijalankan terhadap 60 orang guru Kimia di Melaka turut menunjukkan bahawa segelintir guru gemar mengambil jalan mudah untuk menggunakan kaedah konvensional semasa proses PdPc dilaksanakan. Sebanyak 50.00% guru bersetuju bahawa kaedah konvensional disebabkan oleh beban kerja guru yang banyak. Justeru itu, pelbagai usaha dilakukan untuk mengurangkan bebanan guru. Namun hakikatnya, mereka masih perlu melaksanakan pelbagai kerja pengkeranian dan pengurusan sekolah. Ancho dan Bongco (2019) menjelaskan bahawa guru-guru





semakin terbeban kerana perlu menyediakan bahan bantu mengajar (BBM), instrumen pentaksiran dan perekodan di samping tugas sampingan yang lain. Situasi guru perlu mengajar pelbagai subjek ditambah pula dengan bilangan pelajar yang ramai semasa PdPc dijalankan ternyata bukan lagi isu baharu. Maka, tidak dinafikan ia menjadi salah satu faktor pengajaran secara konvensional masih lagi diamalkan dalam kalangan segelintir pendidik di Malaysia (Amirul Mohamad Khairi, Faridah, Norsiah & Ahmad Zaki, 2021).

Pengajaran guru yang kurang berkesan bagi subjek kimia memberikan impak yang besar kepada para pelajar (Benny & Blonder, 2018; Hanri, 2013). Jika mereka hanya diberikan penerangan sahaja, maka pelajar cenderung untuk menghafal tanpa memahami ilmu yang dipelajari. Kebiasaan pengajaran sebegini membentuk ingatan jangka pendek dan ianya mudah hilang terutamanya apabila pelajar selesai menduduki peperiksaan atau tamat persekolahan. Selain itu, pengajaran guru yang kurang menarik turut mempengaruhi minat pelajar. Kesannya, pelajar mudah berasa bosan dan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Sehingga kini, kajian mengenai kaedah pengajaran *Flipped Classroom* masih lagi terhad (Azlina, Norasykin, Hasnah, Zaleha & Baharuddin, 2015). Usaha untuk memperkenalkan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* telah bermula sejak beberapa tahun yang lalu. Analisis keperluan yang dijalankan turut mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran ini. Antaranya, guru kesuntukan masa untuk membincangkan semua bidang pembelajaran kimia yang panjang dan padat (41.67%). Tambahan pula, banyak sesi amali perlu dilaksanakan





bersama pelajar (23.33%). Sesetengah guru berpendapat bahawa kaedah pengajaran *Flipped Classroom* hanya sesuai untuk dilaksanakan bagi topik tertentu (6.67%). Ia juga memerlukan komitmen penuh daripada pelajar dan guru, khususnya dari segi masa bagi memastikan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* dilaksanakan seperti yang dirancang. Tiada inisiatif daripada pelajar juga menyebabkan segelintir guru tidak sanggup mengambil risiko (36.67%) dan kurang yakin untuk melaksanakan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* (28.33%).

Kepentingan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* menjadi semakin ketara lantaran penularan wabak COVID-19. Ia telah membuka mata banyak pihak bahawa proses pembelajaran masih mampu diteruskan walaupun terdapat beberapa kekangan. Memandangkan penularan wabak COVID-19 belum lagi berakhir di samping pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut situasi semasa, maka kajian berkenaan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* merupakan salah satu usaha yang wajar dilakukan bagi meningkatkan lagi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kimia sekaligus mengurangkan bebanan guru-guru.

Salah satu keistimewaan kaedah pengajaran *Flipped Classroom* ini adalah ia mengandungi pembelajaran secara tidak bersemuka diikuti dengan pembelajaran bersemuka. Oleh itu, para guru boleh menggunakan kit pengajaran FCAM pada bila-bila masa sama ada di sekolah secara bersemuka ataupun di rumah ketika PdPR diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebelum kelas dimulakan, para pelajar perlu menonton terlebih dahulu video sama ada dihasilkan sendiri oleh guru ataupun diperoleh daripada sumber internet. Bahkan, guru juga boleh menggantikan video dengan sebarang bentuk nota atau slaid multimedia berkaitan perkara yang





dipelajari (Bogan & Ogles, 2014). Video yang ditonton sudah pasti memberi serba sedikit idea kepada pelajar mengenai perkara yang ingin dipelajari. Pengetahuan pelajar seterusnya akan dikukuhkan lagi melalui aktiviti berkumpulan bagi melatih pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, telah tiba masanya untuk para guru mencuba kaedah pengajaran yang baharu. Sejajar dengan hasrat Malaysia untuk membangunkan minda pelajar ke tahap optimum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018), maka sudah tiba masanya untuk kaedah pengajaran *Flipped Classroom* diteroka dan diamalkan agar memberi impak yang positif kepada semua pihak.

#### 1.4 Objektif Kajian



Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan sebuah kit pengajaran *Flipped Classroom Alkali Metals* (FCAM) bagi standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1 Kimia tingkatan 4,
2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap kit pengajaran FCAM bagi konstruk isi kandungan dan kepuasan kit yang dibangunkan.





## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang ingin dijalankan bertujuan mencari jawapan kepada beberapa persoalan mengenai pembangunan dan persepsi guru terhadap kit pengajaran FCAM.

1. Apakah nilai kesahan kandungan bagi kit pengajaran FCAM?
2. Apakah nilai min persepsi guru terhadap kit pengajaran FCAM bagi konstruk isi kandungan dan kepuasan kit yang dibangunkan?

## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Untuk menghasilkan kit pengajaran yang menarik dan efektif, beberapa langkah perlu diatur sebelum pembangunan kit dilaksanakan. Antaranya, tujuan kit pengajaran dibangunkan, pemilihan model reka bentuk penyelidikan yang sesuai serta teori pembelajaran yang perlu diaplikasikan dalam kit pengajaran (Kubulenso, 2019). Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (PRP) ubah suai telah dipilih sebagai panduan reka bentuk kajian. Teori Konstruktivisme Sosial pula telah dipilih sebagai teori pembelajaran bagi pembangunan kit pengajaran FCAM.


Vygotsky (1986) menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan dibina berdasarkan interaksi sosial, budaya dan aktiviti yang membentuk pembinaan dan pembelajaran individu. Beliau turut menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku dalam konteks sosial terutamanya semasa pelajar bermain dengan rakan sebaya, sesi perbincangan dengan rakan sekelas mahupun semasa perbualan bersama ibu bapa atau guru-guru. Oleh itu,





maklumat yang diperoleh akan dikumpulkan bagi membantu mereka memahami ilmu yang dipelajari. Ciri-ciri pembelajaran aktif dan berpusatkan pelajar jelas menunjukkan terdapat kesinambungan yang penting antara kaedah pengajaran *Flipped Classroom* dengan Teori Konstruktivisme Sosial. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian untuk menggambarkan proses-proses sebelum, semasa dan selepas kajian dilakukan.





Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian. Diadaptasi dari Oziah (2015) dan Norhaslinda (2017)




Seperti yang tertera di Rajah 1.1, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan kit pengajaran FCAM dan menentukan nilai kesahan kandungan bagi kit pengajaran FCAM. Dalam penilaian modul, kajian ini juga ingin mengenal pasti persepsi guru terhadap isi kandungan dan kepuasan kit pengajaran FCAM. Kit pengajaran *Flipped Classroom Alkali Metals* (FCAM) merangkumi beberapa komponen penting. Antaranya, koleksi video, tugas video, manual pengguna, rancangan pengajaran harian (RPH), set induksi kad pelbagai saiz, slaid multimedia, *jigsaw puzzle* serta rubrik penilaian. Kit pengajaran FCAM ini turut menyediakan empat aktiviti menarik iaitu teka silang kata FCAM, *jigsaw puzzle* FCAM, pembelajaran berdasarkan masalah (PBM) FCAM dan kuiz pengukuhan FCAM. Terdapat dua jenis kuiz pengukuhan yang disediakan dalam bentuk permainan Kahoot! dan slaid multimedia. Hal ini bertujuan untuk memudahkan guru-guru menggunakan kuiz pengukuhan tersebut sama ada secara fizikal ataupun secara dalam talian.



Teori pengajaran dan pembelajaran bagi kajian ini adalah berpandukan Teori Konstruktivisme Sosial. Oleh kerana kaedah pengajaran *Flipped Classroom* mengandungi aktiviti penyelesaian masalah, maka kit pengajaran FCAM yang dibangunkan turut berpandukan Teori Konstruktivisme Sosial untuk melatih pelajar menyelesaikan masalah serta membina pengetahuan baharu berdasarkan pengalaman mereka sendiri. Pembangunan kit pengajaran FCAM pula berdasarkan pendekatan PRP ubah suai. Terdapat tiga fasa bagi pendekatan PRP ubah suai iaitu (i) Fasa analisis keperluan, (ii) Fasa reka bentuk dan pembangunan, serta (iii) Fasa penilaian (Saedah, Muhammad Ridhuan Tony Lim & Rozaini, 2020). Ringkasan tiga fasa pendekatan PRP tertera di Rajah 1.2





Rajah 1.2. Tiga Fasa Pendekatan PRP Ubah Suai

Secara keseluruhannya, fasa analisis keperluan yang berpandukan Model Diskrepansi bertujuan untuk mengenal pasti keperluan kit pengajaran dalam kalangan guru. Selain itu, fasa analisis keperluan dilakukan bagi memudahkan pengkaji mengenal pasti bidang pembelajaran dan seterusnya standard kandungan yang sesuai bagi pembangunan kit pengajaran.

Fasa analisis keperluan diteruskan lagi dengan Fasa kedua PRP ubah suai reka bentuk dan pembangunan yang bersandarkan model reka bentuk pengajaran ADDIE.

Antara rasional model ADDIE dipilih adalah kerana fasa-fasa dalam model ADDIE bersifat seimbang dan efektif (Juppri & Zainiah, 2016). Antara kaedah PdPc yang diterapkan dalam fasa ini adalah pendekatan konstruktivisme dan pendekatan PBM. Fasa terakhir bagi pendekatan PRP ubah suai dinamakan sebagai fasa penilaian. Fasa penilaian amat penting terutamanya untuk menilai inovasi atau produk yang telah dibangunkan. Model yang menjadi pilihan pengkaji bagi fasa penilaian ialah model Penilaian Formatif Tessmer. Secara amnya, wujud empat langkah yang perlu dipatuhi pengkaji berdasarkan model ini. Walau bagaimanapun, penerangan berkenaan langkah-langkah dalam fasa penilaian akan diterangkan secara terperinci dalam bab 4.



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat mendatangkan kepentingan kepada banyak pihak, terutamanya mereka yang bernaung di bawah KPM, khususnya kepada para guru dan pelajar.

### 1.7.1 Guru

Pembangunan kit pengajaran FCAM merupakan satu usaha mengurangkan bebanan guru dalam bidang pendidikan. Kos yang diperlukan untuk penyediaan bahan bantu mengajar bagi standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1 dapat dijimatkan kerana guru-guru akan menggunakan kit pengajaran FCAM secara percuma. Antara kos yang diperlukan bagi pembangunan kit pengajaran FCAM adalah seperti percetakan, kotak dan aktiviti *jigsaw puzzle*. Hakikatnya, pembangunan kit pengajaran biasanya melibatkan sejumlah kos yang besar (Intan Shafinaz & Syafiq, 2018).

Di samping itu, penggunaan kit pengajaran FCAM boleh membantu guru-guru menjimatkan masa dan tenaga. Kit pengajaran ini dilengkapi dengan koleksi video, tugasvideo, manual pengguna, RPH, set induksi kad pelbagai saiz, slaid multimedia, *jigsaw puzzle*, rubrik penilaian serta pelbagai aktiviti berkaitan Unsur dalam Kumpulan 1. Oleh itu, guru-guru tidak perlu membazir masa dan tenaga untuk menyediakan bahan bantu mengajar. Pada masa yang sama, ia diharapkan mampu menjadi satu alternatif untuk mengurangkan kaedah pembelajaran secara konvensional dalam kalangan guru (Norshafrinawati & Mohd. Nihra, 2020).





### 1.7.2 Pelajar

Nilai peratus gagal bagi mata pelajaran kimia SPM pada tahun 2019 meningkat, iaitu 3.0% pada 2018 manakala 3.6% pada tahun 2019 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019). Kupasan mutu jawapan SPM turut menunjukkan bahawa Jadual Berkala Unsur merupakan salah satu bidang pembelajaran yang kurang dikuasai pelajar (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013; 2014; 2017).

Justeru itu, kaedah pengajaran *Flipped Classroom* yang menerapkan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan PBM sebagai kaedah PdPc diperkenalkan dalam kajian ini bagi menggalakkan kemahiran berfikir dan aplikasi pengetahuan dalam kalangan pelajar (Butzler, 2015). Seperti yang dijelaskan oleh Liew *et al.* (2014), pelajar lemah untuk mengaplikasi pengetahuan Jadual Berkala Unsur dalam kehidupan seharian. Maka, diharapkan masalah ini dapat diatasi melalui aktiviti berunsurkan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan PBM. Antara aktiviti berkumpulan yang dicadangkan bagi kaedah pengajaran *Flipped Classroom* adalah seperti PBM, pembelajaran berdasarkan projek dan pembelajaran berdasarkan permainan (Bishop & Verleger, 2013). Walau bagaimanapun, hanya PBM dan pembelajaran berdasarkan permainan sahaja yang terkandung dalam kit pengajaran FCAM. Hal ini memandangkan tidak semua aktiviti berkumpulan yang dicadangkan sesuai dengan masalah yang dihadapi.

Pelajar akan membina sendiri pengetahuan mengenai konsep yang dipelajari melalui aktiviti penyelesaian masalah tersebut. Selain itu, pembelajaran secara sehala dapat dielakkan. Pada masa yang sama, kelemahan pelajar untuk mengenal pasti





kedudukan unsur di dalam Jadual Berkala Unsur juga dapat diatasi. Hal ini dapat dilakukan apabila pelajar lemah dibantu oleh pelajar cemerlang semasa aktiviti secara berkumpulan dilaksanakan.

Aktiviti penyelesaian masalah ini masih boleh dilaksanakan secara PdPR. Ketua kumpulan terlebih dahulu mengagihkan tugas kepada ahli dengan sama rata untuk berlaku adil kepada semua pihak. Seterusnya, setiap ahli perlu menyelesaikan tugas masing-masing sama ada dengan rujukan daripada buku, internet atau perbincangan bersama ahli kumpulannya melalui aplikasi internet seperti *Google Meet*, *WhatsApp* atau *Telegram*. Melalui aktiviti pembelajaran berdasarkan masalah dalam kit pengajaran FCAM, ia berupaya meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (Bishop & Verleger, 2013). Hal ini kerana, pelajar dilatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan tugas yang diberikan oleh guru. Secara tidak langsung, ia adalah satu usaha untuk meningkatkan semula pencapaian dan pengetahuan pelajar, khususnya bagi peperiksaan SPM. Kepelbagai aktiviti dalam kit pengajaran FCAM seperti teka silang kata FCAM, *jigsaw puzzle* FCAM, PBM FCAM dan kuiz pengukuhan FCAM diharapkan dapat menarik minat pelajar bagi bidang pembelajaran Jadual Berkala Unsur, seterusnya berupaya menjelaskan sifat fizikal dan kimia bagi Unsur Kumpulan 1 dengan baik dan tepat.

### **1.7.3 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Sekiranya pembangunan kit pengajaran FCAM terbukti berkesan, maka ia berpotensi untuk menjadi bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan dalam pendidikan abad





ke-21. Pembangunan kit pengajaran FCAM juga diharapkan dapat menambah lagi koleksi bahan bantu mengajar yang diperlukan oleh KPM dan seterusnya dikongsi bersama sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia. Selain itu, ia dapat menjadi panduan kepada KPM untuk mempertingkatkan lagi tahap penggunaan dan pembangunan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru. Penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif juga diharapkan dapat meningkatkan prestasi pelajar, khususnya di negeri Melaka.

## 1.8 Batasan Kajian

Oleh kerana kajian ini melibatkan proses pembangunan kit pengajaran FCAM, maka beberapa faktor harus dipertimbangkan agar dapat menjamin kualiti kajian yang



1. Kajian ini hanya melibatkan pembangunan kit pengajaran sahaja dan tidak menguji keberkesanannya.
2. Kajian ini membabitkan pembangunan kit pengajaran FCAM berfokuskan pada bidang pembelajaran Jadual Berkala Unsur. Kajian ini turut melibatkan semua standard pembelajaran dalam standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1.
3. Reka bentuk penyelidikan bagi kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (PRP) ubah suai (Saedah *et al.*, 2020).





4. Hanya soal selidik sahaja digunakan sebagai instrumen kajian ini. Konstruk persepsi yang ditetapkan pula hanya berfokuskan isi kandungan dan kepuasan.
5. Semua koleksi video dalam kit pengajaran FCAM diperoleh daripada sumber internet. Walau bagaimanapun, tugas video, set induksi kad pelbagai saiz, RPH, manual pengguna, rubrik penilaian, aktiviti teka silang kata FCAM, *jigsaw puzzle* FCAM, PBM FCAM, kuiz pengukuhan FCAM Kahoot! dan semua slaid multimedia yang terkandung dalam kit ini dihasilkan sendiri oleh pengkaji.
6. Semua aktiviti dalam kit pengajaran FCAM berserta jawapan yang menggunakan persembahan multimedia dihasilkan oleh pengkaji sendiri dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah ditetapkan oleh KPM sebagai panduan.
7. Kajian ini melibatkan kajian lapangan sebenar di negeri Melaka sahaja.
8. Oleh kerana kajian ini hanya berfokus kepada pembangunan serta persepsi guru terhadap kit pengajaran dan tidak berdasarkan model pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin (2005), maka kebolehpercayaan kit pengajaran tidak perlu dilaksanakan.

## 1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional merujuk kepada huraian istilah yang digunakan bagi kajian ini.

Definisi operasional dalam bahagian ini merujuk kepada kit pengajaran FCAM,





kesahan kandungan, kesahan pedagogi, persepsi, isi kandungan, kepuasan dan unsur dalam Kumpulan 1.

### 1.9.1 Kit Pengajaran

Menurut Haizun Hanim dan Lai (2011), kit pengajaran merupakan bahan bantu mengajar dan pembangunan kit pengajaran adalah berdasarkan objektif pengajaran. Kubulenso (2019) turut merujuk kit pengajaran sebagai alat pengetahuan yang bersifat fleksibel dan boleh dikemas kini oleh pengguna agar sesuai dengan objektif yang ingin dicapai dalam konteks pendidikan.

Antara bahan-bahan yang boleh terkandung dalam kit pengajaran adalah nota bercetak, latihan, gambar rajah, penerangan di atas kertas, slaid multimedia dan sebagainya. Kit pengajaran turut dirujuk sebagai alat yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar sekaligus memperbaiki kelemahan pelajar terhadap konsep yang dipelajari (Nurhanim Saadah, Ramlan & Suhaimi, 2010).

Dalam konteks kajian ini, kit pengajaran FCAM merujuk kepada satu alat yang sesuai digunakan oleh guru sebagai BBM bagi standard kandungan unsur dalam Kumpulan 1. Ia terdiri daripada dua jenis salinan iaitu salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*). Kit pengajaran FCAM merangkumi kompilasi video berkenaan Unsur dalam Kumpulan 1, tugas video, manual pengguna, RPH, set induksi kad pelbagai saiz, slaid multimedia, *jigsaw puzzle*, rubrik penilaian serta pelbagai aktiviti menarik yang akan digunakan oleh guru sepanjang proses PdPc





dilaksanakan. Kesemua aktiviti tersebut direka khas untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan melatih pelajar menyelesaikan sebarang masalah berkenaan unsur Kumpulan 1 dalam bidang pembelajaran Jadual Berkala Unsur.

Komponen seperti koleksi video dan tugasan video digunakan semasa pembelajaran tidak bersemuka manakala komponen selain koleksi video dan tugasan video pula akan digunakan semasa pembelajaran bersemuka. Tujuan video dan tugasan video digunakan semasa pembelajaran tidak bersemuka adalah untuk melatih pelajar membuat persediaan awal sebelum hadir ke kelas sebenar dan memberi idea berkenaan ilmu yang perlu dipelajari. Oleh kerana pandemik COVID-19 masih belum berakhir, maka kit pengajaran ini dibangunkan supaya setiap komponen dalam kit pengajaran FCAM sesuai digunakan secara fizikal ataupun secara dalam talian.



### 1.9.2      Kesahan Kit

Menurut Zainiah, Juppri dan Mazlina (2017), sesuatu alat pengukuran atau instrumen kajian yang dibina adalah sah apabila memenuhi fungsi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Menurut Noor Aida Aslinda, Che Ghani, Halimaton dan Arman Shah (2019), kesahan kit merujuk kepada ketepatan konsep dan kandungan kit. Kesahan kit akan dianggap baik jika mampu mengukur semua kandungan kit dengan tepat. Justeru itu, kesahan kit pengajaran FCAM merujuk kepada ketepatan konsep dan kandungan kit untuk memenuhi fungsi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Kesahan kit bagi kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kesahan kandungan kimia dan kesahan pedagogi bagi kaedah pengajaran *Flipped Classroom*. Kesahan kandungan kimia



dilaksanakan untuk memastikan kit pengajaran FCAM menepati ciri-ciri yang ditetapkan dalam DSKP Kimia tingkatan 4. Sementara itu, kesahan pedagogi pula bertujuan untuk memastikan kit pengajaran FCAM menepati kaedah pengajaran *Flipped Classroom*. Oleh itu, kesahan kit pengajaran yang tinggi akan menghasilkan pencapaian mengikut objektif yang ingin diukur oleh pengkaji.

### 1.9.3 Persepsi Guru

Persepsi guru bermaksud pendapat atau pandangan guru terhadap sesuatu perkara yang membimbing guru tersebut melakukan tindakan yang selanjutnya (Jeyagobi, 2008).

Turut dijelaskan oleh Whittle, Telford dan Benson (2018), persepsi guru merupakan

pandangan guru terhadap sesuatu isu yang menjadi topik perbincangan. Dalam kajian ini, persepsi guru merujuk kepada pendapat atau pandangan guru-guru terhadap kit pengajaran FCAM yang dibangunkan. Persepsi guru bagi kajian ini dikenal pasti melalui penggunaan soal selidik. Konstruk yang diukur bagi persepsi kajian ini adalah isi kandungan dan kepuasan.

### 1.9.4 Isi Kandungan

Isi kandungan bermaksud bahagian yang boleh digunakan pengguna untuk memperoleh sesuatu maklumat (Aliza & Zamri, 2016). Isi kandungan bagi kajian ini pula adalah bahan-bahan dalam kit pengajaran FCAM seperti RPH, manual pengguna, koleksi video, tugasvideo, set induksi kad pelbagai saiz, rubrik penilaian dan aktiviti yang

sesuai bagi standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1. Instrumen bagi konstruk isi kandungan diadaptasi daripada Norlida (2019). Antara aspek-aspek yang diukur bagi isi kandungan kajian ini adalah ketepatan maklumat dalam kit, manfaat kit dari segi isi kandungan serta kemampuan isi kandungan kit pengajaran untuk mengurangkan beban guru.

### **1.9.5      Kepuasan**

Kepuasan merujuk kepada sesuatu perasaan yang dialami oleh seseorang, iaitu apa yang diharapkan telah terpenuhi bahkan apa yang diterima melebihi apa yang diharapkan (Asfar, 2015). Antara definisi berkaitan kepuasan adalah kepuasan pelanggan, kepuasan kerja, kepuasan kerjaya dan kepuasan (Ibrahim, Asma', Muhammad Zaidi, Muhammad Arsyad & Abdul Azim, 2021; Norhafisah, Noradila, Nor Hamizah & Siti Suhaila, 2022; Nur Hamizah & Tham, 2020; Zulaine & Mohd Khairuddin @ Jerry, 2021). Kepuasan bagi kajian ini pula dirujuk sebagai sejauh mana kit pengajaran FCAM memberi impak kepada perasaan guru-guru bagi standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1. Instrumen bagi konstruk kepuasan ini diadaptasi daripada Mohd Hasril, Nurhayati dan Noorazman (2017).

### **1.9.6      Unsur dalam Kumpulan 1**

Unsur dalam Kumpulan 1 merujuk kepada logam seperti litium, natrium, kalium, rubidium, sesium dan fransium. Ia turut dikenal sebagai logam alkali (Lew, 2010).



Unsur dalam Kumpulan 1 merupakan logam yang paling reaktif dan cenderung untuk menyumbangkan satu elektron (Hart, Beumel & Whaley, 2013). Justeru itu, nombor pengoksidaan bagi unsur dalam Kumpulan 1 ialah 1. Secara fizikalnya, unsur tersebut bersifat pepejal, mulur, lembut dan berwarna kelabu (Lew, 2010). Di samping itu, unsur dalam Kumpulan 1 juga memiliki takat didih dan takat lebur yang rendah.

Bagi kajian ini, unsur dalam Kumpulan 1 merupakan standard kandungan 4.4 dalam DSKP Kimia tingkatan 4. Terdapat empat standard pembelajaran dalam standard kandungan Unsur Kumpulan 1 berdasarkan DSKP Kimia Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), iaitu 4.4.1) mengitlak perubahan sifat fizik unsur apabila menuruni Kumpulan 1, 4.4.2) mengkaji sifat kimia melalui eksperimen bagi tindak balas antara unsur Kumpulan 1 dengan air, gas oksigen serta klorin, 4.4.3) mengitlak perubahan kereaktifan unsur apabila menuruni Kumpulan 1 dan 4.4.4) menaakul sifat fizik dan sifat kimia unsur lain dalam Kumpulan 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

## 1.10 Rumusan

Pembangunan kit pengajaran *Flipped Classroom* diharapkan dapat menjadi BBM yang berkesan terutamanya bagi standard kandungan Unsur dalam Kumpulan 1. Kit pengajaran FCAM ini mengandungi pelbagai aktiviti menarik yang boleh dilaksanakan bersama pelajar. Selain itu, ia diharapkan dapat menjadi BBM yang tepat bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap Unsur Kumpulan 1. Bab 2 akan membincangkan kajian-kajian lepas berkenaan teori pengajaran dan pembelajaran, pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pengajaran, model reka bentuk pengajaran





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

26

ADDIE, *Flipped Classroom* dan beberapa elemen penting lain yang berkaitan pembangunan kit pengajaran FCAM.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi